

(UUM) yang akan pulang beraya sempena cuti yang bermula 2 hingga 17 September ini pihak kampus dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah menyediakan tapak untuk 85 buah bas yang akan bertolak ke Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Kelantan, Terengganu dan Perak.

Kesemua bas itu yang pertama kali ditempatkan di Padang Kawad Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) sempena Hari Raya yang akan menjelang tidak berapa hari lagi membawa pelajar kampus ini seramai 3400 orang.

Naib Canselor UUM Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak ketika melancarkan program balik kampung itu berkata, program ini adalah kali pertama dianjurkan oleh pihak universiti dengan tujuan untuk memberi keselesaan kepada kalangan pelajaranya.

"Pihak universiti melalui Hep menyediakan tapak untuk bas-bas dari berbagai destinasi ini untuk menunggu penumpang disamping memastikan kesemua bas yang masuk kesini mempunyai ciri-ciri keselamatan dan permit yang sah,"katanya.

Manakala kalangan pelajar pula diberi peluang untuk menjadi agen bagi penempahan bas dan penjualan tiket kesemua destinasi seperti diatas.

"Peluang sebegini bukan sahaja dapat memberi keselesaan bagi pelajar untuk menaiki bas di dalam kampus malah mengalakkan mereka untuk mempelajari dan menengahkan kemahiran dalam bidang keusahawanan,"ujar beliau lagi.

Mulai malam tadi lebih 23,000 pelajar mula meninggalkan UUM sempena cuti panjang samada dengan bas, kenderaan masing-masing dan jemputan keluarga.

"Saya dan rakan-rakan pengurusan dari UUM berharap kesemua pelajar yang akan pulang untuk beraya akan menjaga keselamatan dan pulang kepangkuan keluarga masing-masing bagi menyambut hari raya," sambung beliau lagi selepas melakukan majlis pelepasan dan mengagihkan bungkusan makanan kepada pelajar dalam bas di dataran Palapes.

Dalam pada itu beberapa pelajar dan agen yang terbabit secara langsung dalam program balik kampung ini melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan universiti yang sedia membantu pelajar dengan menyediakan tapak bas untuk mereka bertolak ke destinasi masing-masing.

Nazariah Mohd Nor pelajar semester tujuh dari Tanah Merah Kelantan berkata, sokongan pihak universiti bagi memberi peluang kepada pelajar untuk menguruskan perkhidmatan bas dalam kampus seperti malam ini amat baik kerana ia bukan sahaja memberi keselesaan kepada mereka malah dapat melatih kalangan bakal usahawan muda untuk belajar secara tidak langsung.

Manakala bagi Mohamad Solihin Mohammad pelajar semester satu yang akan pulang ke Johor berharap kemudahan seperti ini akan dijadikan tradisi setiap tahun kerana amat menyenangkan kalangan pelajar kampus ini.

"Kami merasakan bukan sahaja selesa malah rasa terjamin kerana kesemua bas yang ditempah untuk membawa pelajar ke destinasi masing-masing ini dipantau oleh pihak Hep dari aspek permit contohnya,"ujar Solihin lagi.

Manakala bagi Saiful Bahari Awang pelajar semester lapan pula bersetuju dengan saranan Naib Canselor yang memberi peluang kepada pelajar kampus ini untuk merancang dan melaksanakan program seperti ini bagi memahirkan mereka dalam bidang keusahawanan.

"Pembabitkan kami dalam program seperti ini bukan sahaja memberi keuntungan malah dapat mempelajari cara untuk berkomunikasi dan merancang sesuatu program terutama yang membabitkan organisasi luar,"katanya ketika ditemui.

Beliau adalah antara agen yang dilantik bagi mengusahakan penempahan bas yang bertolak malam tadi.

Habis.